

AGAMA KRISTIAN KINI DAN PENGASASNYA

Oleh
Zakaria @ Mahmud bin Daud

Abstract

This article explains that today's christianity is not a samawi religion anymore. It is because it's rules have been changed and amended to form as a universal religion. Therefore, this article describes the new founder and his new teachings in today's christianity which are contradict with Islamic's teachings.

Pendahuluan

Sebagaimana yang diketahui umum, agama Kristian atau agama *Nasara* adalah agama *Samawi* yang dibawa oleh nabi Isa a.s kepada Bani Israil dengan berpandukan kepada ajaran nabi Musa a.s yang bersumberkan ajaran dari kitab Taurat. Nabi Isa a.s diutuskan kepada Bani Israil setelah mereka jauh menyeleweng dan sesat daripada ajaran nabi Musa a.s. Nabi Isa datang untuk menyelamatkan mereka supaya kembali kepada Allah dan mematuhi ajaran *Samawi* yang dibawanya.

Walau bagaimanapun, dakwah nabi Isa a.s kepada Bani Israil ini kurang mendapat sambutan, sebaliknya ramai dari mereka termasuk pendipendita Yahudi melakukan penentangan. Mereka melempar berbagai tuduhan kepada nabi Isa sehingga akhirnya mereka membuat pakatan jahat mahu membunuhnya. Walaupun begitu, nabi Isa a.s dan pengikut-pengikutnya yang dipanggil *al-Hawariyyun* tetap menjalankan tugas dakwah tersebut tanpa menghirau kepada tekanan dan tentangan Bani Israil. Apabila

mereka berpakat untuk menangkap nabi Isa a.s untuk disalib yang diketuai oleh Yahuza, Eschariot, Allah menyerupakan Yahuza sama seperti nabi Isa a.s yang mengakibatkan dia ditangkap dan disalib oleh orang Yahudi. Manakala nabi Isa a.s telah diselamatkan oleh Allah dan diangkat ke langit. Peristiwa ini dipercayai berlaku sewaktu baginda berumur 33 tahun setelah beliau berdakwah selama tiga tahun sahaja.¹ Allah berfirman :

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَكِنْ شَيْهَهُ لَهُمْ وَإِنَّ الَّذِينَ أَخْلَفُوا فِيهِ
لِفِي شَيْءٍ مِّنْهُ مَا هُمْ بِهِ مِنْ عَلِمٍ إِلَّا ابْنَاعَ الظُّنُونِ وَمَا قَاتَلُوهُ

يَقِيْنًا ١٥٧

“...Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak memalangnya (di kayu palang atau kayu salib) tetapi diserupakan bagi mereka (yakni orang yang mereka bunuh itu sama seperti nabi Isa a.s) dan sesungguhnya orang-orang yang telah berselisih faham mengenai nabi Isa a.s sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang menentukan pembunuhan tiada satu pengetahuan pun bagi mereka mengenalinya selain sangkaan semata-mata dan mereka tidak membunuhnya dengan yakin.”

al-Nisa' (4):157.

Setelah nabi Isa a.s diangkat ke langit (mengikut Islam dan disalib mengikut Kristian) agama Kristian yang asal itu mula diselewengkan dan ditokok tambah oleh musuhnya, sehingga agama ini bertukar corak menjadi agama Kristian ciptaan manusia dan keaslian Samawinya telah dinodai. Mengikut sarjana Barat dan Islam, tokoh yang bertanggungjawab melakukan perubahan dan penyelewengan itu ialah St. Paul atau Saul seorang Yahudi

¹ Al-Sabuni, Muhammad 'Ali, *al-Nubuwah wa al-Anbiya'*, h. 265.

yang pada asalnya menjadi musuh ketat kepada agama Kristian dan pengikut-pengikutnya.²

Bagi membuktikan kebenaran dakwaan di atas, di bawah ini akan dijelaskan pengenalan diri Paul, peranannya dalam penyelewengan agama Kristian dan penjelasan mengenai beberapa perkara yang ditokok tambah oleh beliau di dalam agama Kristian.

Riwayat Hidup Paul

Para sarjana Islam dan Barat sepakat mengatakan bahawa Paul adalah tokoh penting dalam mengubah agama Kristian asal yang dibawa oleh nabi Isa a.s sehingga menjadi satu agama yang jauh menyeleweng dari ajaran yang sebenar. Mereka menegaskan bahawa apa yang dinamakan agama Kristian kini sebenarnya adalah ajaran Paul. Oleh itu, lebih tepat kalau agama ini dinamakan *Paulinisme* (agama Paul)³ yang telah dilakukannya kira-kira pada tahun 38 M.⁴

Beliau berbangsa Yahudi berasal dari Tarsus dari Cilicia, sebuah bandar perdagangan Greek yang makmur dan masyhur pada waktu itu dan juga merupakan sebuah bandar pertemuan antara berbagai aliran dan fahaman timur dan barat. Beliau seorang Yahudi dari suku Benjamin, bermazhab Pharisee yang kuat berpegang kepada undang-undang Yahudi dan ajaran Taurat.⁵

Sewaktu beliau berusia dua belas tahun, bapanya telah menghantar beliau ke Jerussalam untuk belajar di sebuah institusi tinggi Grika di bawah

²H. Hasbullah Bakry, *Nabi Isa Dalam al-Qur'an Dan Nabi Muhammad Dalam Bible*, cet. 2, Pustaka Aman Press, 1979, h. 73-74.

³Joesoef Sou'yb, *Agama Besar Di Dunia*, cet. 1, Pustaka el-Husna, Jakarta, 1983, h. 325.

⁴Syalabi, Ahmad (Dr), *Muqaranah al-Adyan; al-Masihiyyah*, h. 105.

⁵Abu Jamin Roham, *Antara Bible Dan al-Qur'an (Perbandingan Di Sekitar Perjanjian Baru Dan al-Qur'an)*, h. 128.

pimpinan seorang pembesar agama Yahudi bernama Gamalil.⁶ Ini dilakukan kerana bapanya berhasrat supaya Paul menjadi seorang pendita Yahudi pada suatu masa nanti. Semenjak itu Paul telah dijaga dan dididik oleh ketua doktor dan beberapa orang guru. Sebelum memeluk agama Kristian, beliau adalah seorang yang dihormati di kalangan orang-orang Yahudi.⁷ Beliau juga merupakan seorang penganut agama Yahudi yang setia kepada ajaran Taurat. Beliau turut bersama-sama dengan pemimpin agama Yahudi yang lain memusuhi agama Kristian dan penganut-penganutnya di Jerussalam dan turut memburu serta menghapuskan pengikut nabi Isa a.s (Jesus Christ). Paul sendiri pernah menjelaskan hal ini, katanya:

Kamu telah mendengar sejarah hidupku sebelum ini di dalam agama Yahudi. Aku sentiasa memusuhi gereja Tuhan (gereja Kristian) secara melampau dan aku akan merosakkannya. Aku di antara orang yang terkenal di kalangan orang ramai dari kalangan bangsaku di dalam agama Yahudi dan aku adalah orang yang paling kuat berpegang kepada adat resam datuk nenekku.⁸

Luke, murid Paul pula menjelaskan mengenai permusuhan beliau terhadap orang Kristian, katanya:

Saul (nama asal Paul) merestui pembunuhan orang-orang Kristian dan dia mengganggu gereja, memasuki rumah orang (Kristian), mengheret kaum lelaki dan perempuan lalu diserahkan kepada pihak penjara (untuk dipenjarakan) dan dia selalu membuat ugutan dan membunuh murid-murid Tuhan (pengikut nabi Isa a.s atau pengikut agama Kristian).⁹

⁶*The Holy Bible (New Testament) Acts, 22: 3-4.*

⁷M.F.S, *Story of The Life of St Paul, The Apostle*, R. Wasboure, London, 1977, h. 7.

⁸Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 105.

⁹*Ibid.*

Dari sini jelaslah bahawa Paul sewaktu belum memeluk agama Kristian merupakan salah seorang penganut Yahudi yang kuat berpegang kepada ajaran agamanya (Yahudi) dan menjadi musuh utama kepada agama Kristian dan penganutnya. Bagaimana boleh terjadi kepada Paul yang dahulunya musuh ketat kepada agama Kristian dengan tiba-tiba dia mengistiharkan dirinya memeluk agama Kristian dan menjadi pendakwah mengajak orang ramai - Bani Israil dan lain-lain lagi - supaya memeluk agama Kristian? Inilah sebenarnya apa yang dikatakan oleh sarjana Islam dan Barat bahawa dia memeluk agama Kristian bertujuan untuk merosakkan agama Kristian dengan menggunakan senjata baru iaitu senjata merosakkan agama Kristian dari dalam dengan membuang ajaran asal yang penting dan memasukkan beberapa perkara baru ke dalamnya, seperti mengharuskan makan babi, mempercayai tiga Tuhan atau triniti, dengan menganggap nabi Isa a.s adalah Anak Tuhan (Son of God) dan lain-lain lagi.¹⁰

Paul Memeluk Kristian

Di dalam buku-buku sejarah tentang agama Kristian kini ada menyebut peristiwa Paul memeluk agama Kristian yang berlaku sewaktu Paul dibenarkan oleh imam besar Yahudi pergi ke Jerussalam dengan membawa surat kuasa bagi menghapuskan pengikut-pengikut nabi Isa a.s (Jesus Christ). Di dalam perjalanan beliau menuju ke kota Damsyik (di waktu tengahari) beliau ternampak panahan atau sinaran cahaya terpancar di sekelilingnya. Akibat pancaran cahaya tersebut, Paul jatuh rebah setelah itu beliau terdengar suara berkata kepadanya:

Saul! Saul! Mengapakah engkau menyejasa aku?” (Saul atau Paul) bertanya, “Siapakah kamu?” Suara itu menjawab, “Aku Jesus yang engkau seksa”. Saul bertanya lagi dalam keadaan terketar-ketar ketakutan, “Wahai Tuhan, apakah yang engkau mahu aku lakukan?”. Suara

¹⁰ *Ibid*, h. 110.

itu berkata, "Bangun dan berpeganglah kepada ajaran agama Kristian."¹¹

Peristiwa ini dikatakan berlaku pada kira-kira tahun 38 M¹². Semenjak itu kehidupan Paul telah berubah dan dipercayai beliau telah menjadi pengikut setia *Jesus Christ* dan pendakwah utama Kristian.

Apakah peristiwa ini benar-benar berlaku kepada Paul? Atau ia hanya rekaan semata-mata?

Bagi penulis, peristiwa itu adalah rekaan semata-mata berasaskan beberapa alasan atau sebab. Alasan pertama, peristiwa itu berlaku pada tahun 38 M. Ini bererti peristiwa tersebut berlaku setelah 38 tahun nabi Isa a.s diangkat ke langit (mengikut jumhur ulama Islam atau setelah nabi Isa a.s disalib mengikut kepercayaan orang-orang Kristian). Oleh itu bagaimana mungkin nabi Isa a.s meminta Paul menggantikan tempatnya menjalankan tugas dakwah mengembangkan agama Kristian, sedangkan jarak masa tersebut adalah terlalu jauh dan lama. Ini merupakan satu perkara yang mustahil.

Alasan kedua, seperti mana yang diketahui umum bahawa Paul terkenal sebagai seorang Yahudi yang kuat menentang agama Kristian dan para penganutnya¹³, bagaimana pula secara tiba-tiba dia boleh berubah sikap dengan begitu mudah dan cepat? Agak jelas di sini bahawa peristiwa ini hampir sama dengan apa yang didakwa oleh ramai sarjana bahawa sebenarnya Paul memeluk Kristian bertujuan untuk merosakkan agama itu dari dalam. Bak kata pepatah, “musang berbulu ayam”. Ini kerana,

¹¹ *Ibid*, h. 105, International Bible Society, *The Holy Bible New Internasional Version Containing The Old And The New Testament*, East Burnswick, New Jersey, U.S.A: Book Of Acts, 22: 6-10 (lepas ini disebut *The Holy Bible (New Testament)* atau *(Old Testament)* bersama dengan menyebut Bible tertentu).

¹² Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 105.

¹³ Sudah disebut sebelum ini.

merosakkan sesuatu apapun dari dalam lebih senang dan mudah berbanding dengan merosakkannya dari luar.¹⁴ Hal yang sedemikian juga banyak berlaku dalam sejarah umat Islam, contohnya lahir Abdullah ibn Saba' seorang Yahudi yang berpura-pura mengakui dirinya seorang muslim semata-mata bertujuan untuk merosakkan agama Islam dari dalam.

Ketiga, Dr. Ahmad Syalabi ada menyebut bahawa Paul sebenarnya tidak pernah melihat dan berjumpa dengan nabi Isa a.s dan tidak pernah mendengar nabi Isa a.s bercakap. Ini kerana jarak masa di antara kedua-dua tokoh itu terlalu jauh dan lama.¹⁵

Pendapat Dr Ahmad Syalabi itu turut disokong oleh kenyataan H.M. Arsyad Talib Lubis: beliau berkata;

Sebagaimana yang dimaklumkan, nabi Isa a.s tidak pernah mengistiharkan perlantikan Paul sebagai utusan. Paul sebenarnya tidak pernah berguru dengan nabi Isa a.s dan tidak pernah mendengar nabi Isa a.s berbicara (bercakap), tetapi beliau mendakwa membawa agama dan Injil yang dikatakan telah diterima oleh nabi Isa a.s sendiri melalui perantaraan wahyu. Kejadian itu tidak dapat dibuktikan kebenarannya kerana nabi Isa a.s telah tiada lagi.¹⁶

Dari beberapa sebab di atas jelas bahawa peristiwa tersebut lebih merupakan semata-mata rekaan Paul dan murid-muridnya termasuklah Luke. Dakwaan itu dilakukan bertujuan untuk membuktikan kepada orang ramai bahawa pengakuan beliau sebagai pendakwah Kristian adalah melalui arahan *Jesus Christ*. Dengan itu, diharapkan segala dakwaan dan ajarannya

¹⁴Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 124.

¹⁵*Ibid*, h. 106.

¹⁶H.M. Arsyad Talib Lubis, *Perbandingan Agama Kristian Dan Islam*, cet. 1, penerbitan Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur, 1982, h. 56.

adalah benar sama seperti ajaran nabi Isa a.s yang mesti diterima oleh semua orang.

Setelah Paul mengistiharkan dirinya memeluk Kristian, beliau mengembangkan ajarannya kepada orang ramai dengan dibantu oleh beberapa orang kawan dan muridnya seperti Barnaba dan Luke. Pada peringkat awal Paul ditentang oleh ramai pengikut nabi Isa a.s dan rasul utusan (Hawariyyun) yang dilantik sendiri oleh nabi Isa a.s. Justeru itu tidak ramai yang mengikut beliau. Sungguh pun begitu Paul tidak pernah berputus asa bahkan sebaliknya beliau melipat gandakan usahanya untuk menarik lebih ramai lagi pengikut dengan melakukan perjalanan ke beberapa buah negara menyiar kan dakwahnya sehingga sampai ke Asia Kecil, Cyprus dan beberapa buah negara lain termasuk Rome. Hasilnya Paul mula mendapat perhatian dan kepercayaan dari masyarakat di tempat beliau kunjungi dan akhirnya pengaruh beliau semakin kuat di abad-abad kemudiannya sehingga penganut-penganut Kristian lebih condong untuk membentuk kepercayaan keagamaan mereka berdasarkan kepada penulisan Paul berbanding dengan ajaran Injil sebenar.

Bagi Paul, sebelum beliau memeluk agama Kristian beliau telah mendalmi berbagai ajaran dan kebudayaan asing. Beliau juga mempelajari berbagai ajaran agama yang wujud di zamannya termasuk ajaran Injil, Taurat atau ajaran Yahudi, Falsafah Greek dan lain-lain lagi selama lebih kurang sepuluh tahun.¹⁷ Kemudian hasil dari pelbagai maklumat dan ilmu yang diperolehi itu diadun lalu dijadikan ajaran baru rekaannya. Waktu itu, agama Kristian telah berubah dan bukan lagi agama untuk kaum Bani Israil malah untuk semua bangsa termasuk orang Greek dan Rome. Untuk menjadikan agama Kristian bersesuaian dengan keadaan sosial masyarakat Rome dan Greek, Paul dengan alternatifnya sendiri telah mentafsir atau

¹⁷H. Hasbullah Bakry, *op.cit*, h. 74.

mengubahsuai hampir seluruh undang-undang Taurat (ajaran nabi Musa a.s) dan undang-undang Bible (Injil nabi Isa a.s).¹⁸

Ajaran Baru Paul

Sekiranya ajaran yang dibawa oleh Paul dikaji dengan lebih tuntas, didapati banyak tokok tambah dan penyelewengan yang telah dilakukan oleh beliau di dalam membentuk agama Kristian baru. Paul yang berasal dari seorang penganut Yahudi yang fanatik dengan sewenang-wenangnya mengubah syariat agama Kristian bertujuan semata-mata untuk meyakinkan pengikut-pengikutnya bahawa beliau adalah utusan nabi Isa a.s (Jesus Christ). Paul merupakan seorang Yahudi munafik bertindak sebagai gunting dalam lipatan dan sedikit demi sedikit merosakkan agama Kristian asal dari dalam sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Setelah Paul memeluk Kristian, beliau memasukkan berbagai unsur dari berbagai ajaran agama dan falsafah ke dalam agama Kristian sehingga membentuk doktrin-doktrin yang kemudiannya dijadikan sumber agama Kristian kini. Antara ajaran ciptaan beliau yang dimasukkan ke dalam agama Kristian kini ialah:¹⁹

- a. Triniti
- b. Agama Kristian Agama Universal
- c. Pensaliban nabi Isa a.s di kayu salib sebagai penebusan dosa warisan.
- d. Tidak perlu berkhatan
- e. Tujuh Doktrin Paul.

Di bawah ini diterangkan dengan ringkas kelima-lima perkara di atas.

¹⁸Maryam Jameelah, *Islam Versus Ahl al-Kitab Past And Present*, Yusuf Khan And The Sons, Pakistan, 1983, h. 207.

¹⁹H.M. Arsyad Thalib Lubis, *op.cit*, h. 55-77.

a. Triniti

Triniti merupakan tunjang aqidah agama Kristian yang diperkenalkan oleh Paul. Ia merupakan konsep kepercayaan dan penyembahan terhadap Kesatuan Tiga Tuhan iaitu, Tuhan Bapa (Father of God), Anak *Tuhan* (Son of God), dan Ruhul Qudus (The Holy Ghost). Di dalam *Apostles of Paul*, *Bible Mathew*, *Surat Kiriman John* (Yahya) dan di dalam lain-lain buku mengenai Kristian, banyak menyebut mengenai konsep triniti.

Paul memasukkan triniti ke dalam agama Kristian setelah diambil dari ajaran agama Mesir Kuno, agama Hindu, Falsafah Yunani atau Greek Tua dan lain-lain.²⁰ Unsur-unsur agama tersebut dimasukkan ke dalam agama Kristian bertujuan untuk menghapuskan jurang perbezaan dan perselisihan pendapat di antara agama-agama anutan bangsa Israil dan bangsa-bangsa lain di samping untuk menarik lebih ramai bangsa lain menganut agama Kristian yang baru.

Paul yang bertanggungjawab memperkenalkan doktrin ini tidak menyatakan konsep secara jelas dan nyata. Doktrin triniti yang diperkenalkan oleh Paul itu tidak mudah untuk diterima sebagai tungggak utama kepercayaan Kristian, bahkan terpaksa melalui beberapa peringkat perbincangan dan perhimpunan gereja atau *synode* untuk membentuk doktrin utama sepertimana yang wujud sekarang. Terdapat lima peringkat perhimpunan atau muktamar gereja telah diadakan bagi tujuan tersebut dan di antara kelima perhimpunan itu, tiga daripadanya adalah yang terpenting sekali iaitu perhimpunan gereja umum di Nicea tahun 325 M, perhimpunan gereja umum di Constantinople tahun 381 M dan ketiganya perhimpunan gereja umum Chalcedone tahun 451 M.²¹ Doktrin triniti yang lengkap sepenuhnya sepertimana yang wujud sekarang yang, mempercayai kepada wujudnya tiga personaliti telah digubal sepenuhnya dalam ketiga-tiga perhimpunan ini. Orang-orang Kristian menjadikan Tuhan yang disebut dalam Perjanjian Lama (Taurat) iaitu Tuhan Yahowa sebagai Tuhan Bapa,

²⁰Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 130-132.

²¹*Ibid*, h. 141 dan selepasnya.

manakala nabi Isa a.s (Jesus Christ) yang dikenali sebagai *al-Masih* adalah anak jelmaan Tuhan atau Tuhan Anak dan Ruhul Qudus (Holy Spirit/Holy Ghost) dikatakan datang dari Tuhan Bapa dan Tuhan Anak.²²

Perhimpunan (synode) pertama yang diadakan di Nicea pada tahun 325 M dihadiri seramai 2,048 orang paderi Kristian bagi membincang mengenai ketuhanan Isa a.s (Jesus Christ). Akhirnya, dalam *synode* ini, mereka mengambil keputusan menganggap Isa a.s *al-Masih* sebagai Tuhan Anak (Son of God).²³ Selepas itu pada tahun 381 M diadakan perhimpunan di Constantinapole dihadiri oleh kira-kira 150 orang paderi. Akhirnya perhimpunan itu mengambil keputusan menetapkan Ruhul Qu'd's sebagai Tuhan.²⁴ Manakala perhimpunan di Chalcedone tahun 451 M mengukuhkan lagi Kesatuan Tiga Tuhan yang dikenali sebagai doktrin triniti. Dengan ini terbentuklah Kesatuan Tiga Tuhan atau triniti di dalam agama Kristian iaitu Tuhan Bapa (Father of God), Tuhan Anak (Son of God) iaitu Isa *al-Masih* atau *Jesus Christ* dan Ruhul Qudus (The Holy Ghost). Agak jelas di sini walaupun konsep triniti ini diasaskan oleh Paul, tetapi perlaksanaannya secara nyata telah dilaksanakan melalui beberapa kali perhimpunan (synode) dalam beberapa tahun kemudian sehingga terbentuklah konsep triniti seperti yang ada sekarang.²⁵

b. Agama Kristian Agama Universal

Sebelum Paul memeluk agama Kristian, agama itu hanya dikhaskan kepada Bani Israil sahaja. Tetapi setelah Paul memeluk agama Kristian, beliau menjadikan agama itu sebagai agama universal; agama untuk semua manusia. Beliau memberi penjelasan bahawa agama Kristian yang dianut oleh semua bangsa itu merupakan ajaran yang diamanahkan oleh *Jesus*

²²Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 141-144.

²³Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 141-144.

²⁴*Ibid*, h. 152-153.

²⁵Untuk lebih jelas lagi lihat Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, "Triniti Menurut Agama Kristian," *Jurnal Usuluddin*, bil. 2, Mei 1995, h. 29-52.

Christ kepada beliau untuk disebarluaskan kepada seluruh umat manusia. Hasil dari usaha dakwah yang dilakukan itu, ramai penganut agama lain menganut agama Kristian, khususnya orang-orang Eropah yang menyembah berhala, orang-orang Greek, Yunani dan lain-lain.²⁶

Paul juga mengangkat taraf pendita dan pemimpin agama Kristian ke taraf yang tinggi dan mulia dengan meletakkan ketaatan kepada mereka sama seperti ketaatan kepada Tuhan Anak atau Tuhan *Jesus Christ*. Perkara ini dijelaskan sendiri oleh Paul di dalam *Apostles of Paul*, 6: 5-7.

c. Pensaliban Nabi Isa a.s Sebagai Penebus Dosa Warisan.

Di samping itu, Paul turut memuatkan doktrin pensaliban nabi Isa di kayu salib ke dalam agama Kristian kini sebagai satu doktrin menghapuskan dosa warisan (*Inherited Sin*) yang dilakukan oleh nabi Adam dan isterinya Hawa kerana memakan buah khuldi (buah epal mengikut Kristian) yang ditegah oleh Allah sewaktu mereka berdua berada di dalam syurga. Akibatnya mereka berdua disingkir dari syurga dan kerana dosa itu dikatakan semua manusia terpaksa menanggung dosa warisan mereka berdua. Oleh itu, pensaliban Isa a.s adalah bagi menebus dosa warisan tersebut.

Menurut ajaran Paul, Tuhan Bapa adalah Tuhan Penyayang dan Adil. Justeru itu untuk menghapuskan dosa warisan Dia mengurniakan anak-Nya sebagai penebus dosa yang dijelaskan sebagai manusia melalui *tubuh Jesus Christ*. Bagi Paul hanya *Jesus Christ* sahaja yang layak disalib di kayu salib sebagai korban kepada Tuhan Bapa untuk menyelamatkan manusia seluruhnya dari menanggung dosa warisan itu. Dia juga beranggapan bahawa seseorang manusia tidak akan selamat hanya melalui amalan-amalan yang baik sahaja, tetapi yang lebih penting mestilah

²⁶*The Holy Bible (New Testament), Epistle Paul To Ephesian*, 3: 8-9.

disertakan dengan keyakinan terhadap pengorbanan *Jesus Christ* di kayu salib sebagai penebus dosa warisan.²⁷

d. Tidak Perlu Berkhatan.

Pada asalnya berkhatan adalah sunnah para nabi dan diperintahkan supaya dilaksanakan oleh semua agama *Samawi* termasuk agama Kristian dan Islam. Tetapi Paul menganggap berkhatan tidak perlu atau tidak wajib kerana dikatakan agama Kristian telah mengamalkan pembaptisan, iaitu satu upacara pemandian khusus bagi seseorang untuk menjadikannya sebagai penganut agama Kristian.²⁸ Pembaptisan yang disebut di dalam *New Testament* disamakan dengan berkhatan. Menurut Paul, orang-orang Kristian telah mengadakan baptis semenjak kecil, maka sunnah berkhatan tidak lagi diperlukan.²⁹ Pada hakikatnya, berkhatan adalah sunnah para rasul yang dilakukan antara lain bertujuan untuk kesihatan dan ketaatan kepada Allah. Hasil daripada usaha dan tipu daya Paul kita dapat amalan berkhatan tidak terdapat di dalam ajaran agama Kristian kini, sedangkan ia pernah wujud dalam ajaran Kristian asal nabi Isa a.s.

e. Doktrin Di Dalam Karyanya (Epistles of Paul).

Selain daripada konsep dan kepercayaan yang telah dinyatakan terdahulu dari ini, Paul juga turut mengemukakan kepercayaan dan doktrindoktrin baru yang disebut di dalam himpunan karyanya (*Epistles of Paul*) dan menjadikannya sebagai suatu doktrin yang penting dan perlu diyakini oleh setiap penganut Kristian. Doktrin-doktrin tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan doktrin-doktrin yang dikemukakan sebelum ini, dan juga

²⁷ Abu Zuhrah, Muhammad, *Muhadarah al-Nasraniyyah*, cet. 3, Dar al-Ittihad al-Arab li al-Tiba'ah, Kaherah, 1966, h. 3.

²⁸ Syalabi, Ahmad (Dr), *op.cit*, h. 168.

²⁹ Abu Jamin Roham, *op.cit*, h. 101.

ada kaitan erat di antara satu doktrin dengan doktrin yang lain. Doktrin-doktrin tersebut ialah:³⁰

a. Dosa Warisan (Inherited Sin)

Kepercayaan tentang dosa warisan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan kepercayaan mereka yang mengatakan *Jesus Christ* sebagai penebus dosa warisan manusia yang telah disebut tadi.

Menurut Paul, setiap manusia itu menanggung dosa akibat perbuatan nabi Adam dan isterinya Hawa, dan dosa-dosa yang diwarisi oleh manusia ini hanya dapat ditebus melalui penyaliban Tuhan Anak, *Jesus Christ*. Justeru, kematian Jesus Christ di tiang salib merupakan satu-satunya jalan terbaik untuk menghapuskan dosa warisan tersebut.³¹

Kepercayaan ini merupakan intipati dan titik tolak kepada kepercayaan dan doktrin-doktrin ciptaan Paul yang lain. Berdasarkan kepada kepercayaan tentang dosa warisan, Tuhan telah mengurniakan anak-Nya, *Jesus Christ* yang sentiasa dilindungi oleh Ruhul Qudus untuk menghapuskan dosa warisan manusia. Kepercayaan ini juga adalah tunjang aqidah triniti dan bertitik tolak daripada tunjang aqidah inilah, Paul mengemukakan doktrin-doktrin barunya bersesuaian dengan aqidah tadi.³²

b. Anak Tuhan (Son Of God)

Doktrin ini mempercayai bahawa Tuhan Allah sebagai Tuhan Bapa yang penyayang, berada di syurga dan mempunyai anak sulung yang

³⁰Untuk mengetahuinya lebih lanjut, sila lihat: Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, "Konsep Trinity Menurut Agama Kristian Dan Pandangan Islam Terhadapnya," *Tesis Sarjana Usuluddin*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993, h. 114-153.

³¹*The Holy Bible (New Testament), Epistle Paul To Rome:* 5: 12-21; 6: 1-23.

³²Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, *Tesis Sarjana Usuluddin, op.cit.* h. 137-138

terdahulu dari segala zaman (yang azali), dan segala benda yang wujud di alam ini dicipta melalui-Nya.³³ Tuhan Anak ini ialah Isa a.s atau *Jesus Christ*.

c. Penjelmaan (Incarnation)

Penjelmaan di sini bererti Anak Tuhan atau *Jesus Christ* menjelma diri ke dunia melalui kandungan Mariam. Kepercayaan ini merupakan kesinambungan kepercayaan sebelumnya, Paul mempercayai bahawa anak sulung Tuhan Allah yang dipanggil *Jesus Christ* yang terdahulu dari segala zaman itu (atau yang azali itu) telah menjelma dirinya di dunia melalui benih Daud (yang lebih tepat melalui Mariam).³⁴

d. Pensaliban (Crucifixion)

Sebagaimana yang telah dinyatakan, setiap kepercayaan atau doktrin yang dicipta oleh Paul mempunyai kaitan antara satu sama lain. Beritik tolak daripada kepercayaan yang mempercayai bahawa anak sulung Tuhan telah menjelma di dunia melalui benih Daud itu akhirnya setelah meningkat dewasa dia menyerahkan diri untuk dikorbankan di tiang salib sebagai satu cara untuk menebus dosa warisan yang disebabkan oleh Adam dan Hawa.³⁵

e. Penebusan (redemption)

Ekoran dari kepercayaan pensaliban tadi, seterusnya penganut Kristian mempercayai bahawa anak sulung Tuhan yang telah mati dipalang salib itu sebenarnya mengorbankan dirinya untuk menebus dosa yang diwarisi manusia semenjak zaman Adam lagi. Dan setiap insan mestи beriman dengan pensaliban atau penebusan itu sebagai jaminan keselamatan mereka dan kebangkitan semula yang sejahtera.³⁶

³³ *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To Rome* 6: 18-39.

³⁴ *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To Rome* 6: 18-30.

³⁵ *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To 1 Corintians* 2: 1-5.

³⁶ *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To Corintians* 15: 1; 1-14 dan 2: 1-22.

f. Kebangkitan Semula (Resurrection).

Seterusnya Paul menganggap anak sulung Tuhan yang telah disalib untuk menebus dosa Adam dan Hawa itu kemudiannya dikafan dan dikebumikan. Lepas itu akhirnya bangkit semula dari kuburnya pada hari ketiga selepas pengkebumiannya.³⁷

g. Naik Ke Langit Dan Bersemayam Di Sebelah Kanan Tuhan Bapa (Ascension).

Akhirnya, anak sulung Tuhan yang hidup semula dan bangkit dari kubur itu naik ke langit ke sisi Tuhan Bapa dan bersemayam di sebelah kanan Tuhan Bapa.³⁸

Ulasan

Berdasarkan kepada perbincangan-perbincangan tentang kepercayaan atau doktrin-doktrin Paul di atas jelas bahawa semuanya itu bukanlah ajaran daripada Allah ataupun ajaran daripada nabi Isa a.s (Jesus Christ) sebagaimana yang didakwa oleh Paul, malahan ia merupakan hasil cetusan idea-idea Paul sendiri yang telah mengadun berbagai unsur dari kepercayaan kuno dan falsafah Greek tua dan lain-lain lagi sehingga membentuk doktrin-doktrin yang kemudiannya menjadi tunjang aqidah dan amalan utama di dalam agama Kristian kini.

Dari sini jelas bahawa, Paul telah membawa satu perkara baru di dalam sejarah perkembangan agama Kristian kini dengan menjadikannya jauh menyeleweng daripada ajaran asal nabi Isa a.s dan agama *Samawi* dan sekaligus meletakkan dirinya sebagai pengasas agama Kristian kini.

³⁷ *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To Corintians* 15: 1-11 dan lihat juga: *Mark*: 16: 1-8; *Matthew*: 28: 1-20.

³⁸ *The Holy Bible (New Testament): Epistle Paul To Colossians* 3: 1-4 dan juga lihat *Mark* 16: 19-20.

Islam menolak kesemua ajaran tersebut secara nyata. Agama Islam menolak wujudnya dosa warisan seperti yang terdapat di dalam agama Kristian. Islam percaya setiap bayi yang baru lahir semuanya suci, bersih dari sebarang dosa. Nabi Muhammad bersabda yang bermaksud

“Setiap anak yang baru lahir, dilahirkan mengikut Fitrah, maka kedua-dua ibu bapanya menjadikan dia Yahudi, Nasrani (atau Kristian) dan Majusi.”³⁹

Islam juga menolak konsep triniti. Bagi Islam, Tuhan yang disembah hanya satu bersifat dengan segala sifat kesempurnaan. Allah berfirman:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۖ إِلَهُ الصَّمَدُ ۖ لَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ۖ وَلَمْ يُوْلَدْ ۖ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ۖ

Katakanlah (wahai Muhammad), Tuhanku ialah Allah Yang Esa, Allah yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan. Dia tidak ada sesiapa yang setara dengannya.

al-Ikhlas (112):1-4.

Manakala nabi Isa a.s atau *Jesus Christ* adalah seorang rasul dan utusan Allah kepada Bani Israil untuk menyelamatkan mereka dari kesesatan, bukan Tuhan Anak atau *Son of God* sebagaimana yang dipercayai oleh orang-orang Kristian kini. Allah menjelaskan perkara ini dalam firman-Nya antara lain:

وَيَعْلَمُهُ الْكِتَابُ وَالْحِكْمَةُ وَالْتَّورَاةُ وَأَلْإِنجِيلُ

³⁹ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Jld 3, Kitab al-Janaiz, Dar al-Ma'rifat, Beirut, t.t. h. 246.

Dan (Allah) mengajarnya (nabi Isa a.s) kitab, Hikmah, Taurat dan Injil dan dia adalah seorang rasul Allah untuk Bani Israil.

Ali ‘Imran (3):48.

Dalam ayat lain Allah berfirman:

قَالَ إِنِّي عَبْدُ اللَّهِ إِنِّي أَتَتْنِي الْكِتَابُ وَجَعَلَنِي نَبِيًّا ۖ وَجَعَلَنِي
مُبَارَكًا إِنَّمَا كُنْتُ وَأَوْصَنِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكُورَةِ
ۚ مَادْمُتْ حَيًّا ۝

Isa a.s berkata, “Sesungguhnya aku ini hamba Allah, Dia memberiku al-Kitab (Injil) dan Dia jadikan aku seorang nabi, dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana sahaja aku berada dan Dia memerintah aku mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat selama aku hidup.

Maryam (19):30-31.

Penutup

Sebagai kesimpulan dapatlah dijelaskan di sini bahawa apa yang wujud dalam agama Kristian sekarang ini bukan lagi ajaran asal nabi Isa a.s yang datang dari Allah Taala, tetapi ia adalah ajaran rekaan Paul, seorang bangsa Yahudi yang memeluk agama Kristian bertujuan untuk merosakkan agama itu dari dalam dan tujuannya itu telah dianggap berjaya akhirnya. Penyelewengan agama Kristian kini banyak disebut di dalam al-Qur'an dan hadis Rasulullah s.a.w juga oleh ulama-ulama Islam berdasarkan kepada banyak fakta yang sahih.